



PERKESO

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

KENYATAAN TENDER

Tawaran tender adalah dipelawa daripada petender-petender yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam kelayakan berkaitan bagi perkara berikut:-

BIL	TAJUK TENDER	RUJUKAN TENDER	KELAYAKAN	TARIKH TAKLIMAT TENDER	HARGA DOKUMEN
1	Tender Bagi Cadangan Ubahsuai Di Tingkat Bawah & Satu Termasuk Kerja-Kerja Penggantian Papan Tanda, Mengecat Dinding Luar Dalam Bangunan, Menaiktaraf Tandas, Pemasangan Kalis Air, Penukaran Saliran Bumbung Dan Lain-Lain Berkaitan Di Pejabat PERKESO Tawau, Sabah	T/PKS 14/2026(M)	i. Berdaftar Dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Di Bawah Gred G4, Kategori B, Pengkhususan B04 Dan (B07 atau B28) Dan (B08 atau B14); Dan ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).	27 Ogos 2026 (Khamis) 10.00 pagi Bilik Mesyuarat, Pejabat PERKESO Tawau, No. 4294 & 4295, Lot 1 & 2 Jalan Budi, 91000 Tawau, Sabah (Kehadiran Taklimat Tender Adalah Diwajibkan)	RM200.00 Tarikh beli Dokumen Tender pada 27/8/2026 hingga 11/9/2026 Tarikh tutup tender pada 18/9/2026, 12.00 tengah hari
2	Tender Bagi Cadangan Kerja-Kerja Pemasangan Papan Tanda Bangunan, Mengecat Luar Dan Dalam (Ruang Gunasama) Bangunan, Penggantian Bumbung Termasuk Pemasangan Lapisan Kalis Air, Pembaikan Tinted Films, Pembinaan Tandas Rumah Pengawal, Pembinaan Tempat Letak Kereta Dan Motosikal Dan Kerja-Kerja Lain Berkaitan Di Wisma PERKESO Kota Kinabalu, Sabah	T/PKS 15/2026(M)	i. Berdaftar Dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Di Bawah Gred G5, Kategori B, Pengkhususan B04 Dan (B08 atau B14) Dan Kategori C, Pengkhususan CE01; Dan ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).	27 Ogos 2026 (Khamis) 10.00 pagi Bilik Mesyuarat Kulintangan, Bilik Bawah, Wisma PERKESO Sabah, No. 11, Lorong Sempelang, Tanjung Aru, 88100 Kota Kinabalu, Sabah (Kehadiran Taklimat Tender Adalah Diwajibkan)	RM200.00 Tarikh beli Dokumen Tender pada 27/8/2026 hingga 11/9/2026 Tarikh tutup tender pada 21/9/2026, 12.00 tengah hari

Dokumen Meja Tender dipamerkan di Bahagian Perolehan, Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. Dokumen Tender boleh dibeli mulai pada tarikh yang dinyatakan di atas pada waktu pejabat dengan menggunakan Wang Pos/Kiriman Wang/Draf Bank atau bayaran secara atas talian melalui Akaun Maybank 564016400646 atas nama Ketua Eksekutif PERKESO dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan. Bayaran secara tunai atau cek persendirian tidak akan diterima. Dokumen boleh diperolehi di alamat berikut:

BIL	ALAMAT PENJUALAN DOKUMEN	RUJUKAN DOKUMEN TENDER YANG DIJUAL
1	Bahagian Perolehan, Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur	T/PKS 14/2026(M) & T/PKS 15/2026(M)
2	Pejabat PERKESO Tawau, No. 4294 & 4295, Lot 1 & 2 Jalan Budi, 91000 Tawau, Sabah	T/PKS 14/2026(M)
3	Pejabat PERKESO Negeri Sabah, Wisma PERKESO, No. 11, Lorong Sempelang, Tanjung Aru, 88100 Kota Kinabalu, Sabah	T/PKS 15/2026(M)

Bagi tujuan pembelian dokumen tender, tuan/puan dikehendaki membawa dokumen seperti yang dinyatakan di atas (asal dan salinan) yang masih dalam tempoh sah laku bagi kelayakan yang ditetapkan. Sila bawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh penama yang diberi kuasa, jika penama tidak dapat hadir ke taklimat atau ketika pembelian dokumen.

Sebarang pertanyaan boleh disalurkan melalui emel enquirytender@perkeso.gov.my

Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri nombor rujukan tender dan diserahkan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tarikh yang dinyatakan di atas ke alamat berikut:-

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Bahagian Perolehan, Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur

Dokumen tawaran tidak akan diterima selepas jam/tarikh tutup tender. PERKESO tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tender yang terendah serta tidak bertanggungjawab memberi sebarang alasan atas penolakan tender dan keputusan adalah muktamad.

Diiklankan pada 20 Ogos 2026

13/8/2026
AHMAD 'ILLMI BIN MOHD AZMI
Pegawai Tadbir (Perolehan)
Bahagian Perolehan
Pertubuhan Keselamatan Sosial